

KAJIAN IPS-ONEPEOPLE.SG MENGENAI KEHARMONIAN KAUM DAN AGAMA DI SINGAPURA

Harmoni kaum, agama lebih baik, warga yakin saling bantu semasa krisis: Kajian

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

WARGA Singapura mempunyai pandangan positif tentang tahap keharmonian kaum dan agama di sini.

Lebih sembilan dalam 10 menyatakan bahawa paras keharmonian kaum dan agama di sini berada pada tahap sama ada "sederhana, tinggi atau amat tinggi".

Hampir enam dalam 10 responden Cina mempunyai pandangan

positif iaitu sama ada di tahap "tinggi atau amat tinggi" mengenai keharmonian kaum dan agama manakala kaum Melayu dan India pula menyatakan ia pada tahap "sederhana".

Kepercayaan antara kaum juga berada di paras lebih tinggi berbanding 2013.

Demikian merupakan antara dapatan hasil kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) berkaitan kaum, agama dan bahasa di Singapura yang dikeluarkan semalam.

Kajian itu menerima sokongan daripada OnePeople.sg, sebuah kumpulan yang menggalak keharmonian kaum di sini.

Lebih 4,000 responden telah mengambil bahagian dalam kajian itu yang dijalankan antara Ogos tahun lalu dengan Januari tahun ini, untuk mendapatkan pandangan mereka tentang kaum dan agama.

Kajian sama telah dijalankan pada 2013.

Dalam kajian tahun lalu itu, penyelidik telah mendapati lebih ramai rakyat Singapura mempunyai kawan baik daripada bangsa lain berbanding kajian sebelumnya.

Sekitar 23 peratus responden Cina mempunyai seorang kawan baik Melayu pada 2013 tetapi jumlahnya meningkat kepada 30 peratus tahun lalu.

Apabila ditanya sama ada warga daripada kaum atau agama lain

boleh dipercayai untuk membantu dalam krisis negara, misalnya penularan Sars, ramai responden menyatakan "ya".

Malah kepercayaan terhadap semua kaum meningkat.

Misalnya, 61.3 peratus responden percaya "semua atau hampir semua" atau "lebih daripada separuh" Melayu Singapura akan membantu dalam krisis, naik daripada 52.7 peratus sebelum ini.

Sekitar enam dalam 10 responden Cina juga menyatakan mereka boleh dipercayai sama ada "lebih daripada separuh" atau "semua atau hampir semua" kaum Melayu atau India Singapura untuk membantu.

Menurut Zamil Penyelidik Kanan IPS, Dr Mathew Mathews, perubahan itu mungkin disebabkan "lebih banyak perbincangan tentang hubungan antara kaum dan agama sepanjang beberapa tahun lalu."

Laporan itu juga menitik beratkan inisiatif seperti SG Secure yang menggariskan tentang perlunya rakyat Singapura tidak kira apa jua kaum dan agama, kekal bersatu jika berlakunya ancaman penggunaan, membantu dalam memperbaiki hubungan antara kaum dan agama ini.

Golongan muda lebih terbuka berinteraksi penduduk bangsa lain

Mereka lebih 'buta kaum', berminat fahami adat masyarakat berbeza

GOLONGAN milenial lebih terbuka untuk berinteraksi dengan seseorang daripada bangsa lain selain mengalu-alukan kepelbagaian perkauman.

Dapatan kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) dengan OnePeople.Sg mendapati mereka yang berusia antara 18 dengan 25 tahun lebih 'buta kaum' (race-blind) berbanding warga yang berusia 56 tahun ke atas.

Lebih sepertiga responden muda 'bersetuju sepenuhnya' bahawa bangsa seseorang tidak akan menjejaskan cara mereka berinteraksi dengan individu tersebut berbanding dengan kurang seperlima daripada responden berusia 56 tahun ke atas.

Di samping itu, golongan milenial juga lebih mengalu-alukan kepelbagaian kaum dengan hampir tiga suku bersetuju bahawa banyak yang boleh mereka pelajari daripada bangsa lain.

Ini berbanding dengan kurang separuh daripada mereka yang berusia 56 tahun ke

atas.

Dalam pada itu, mereka yang berusia antara 18 dengan 25 tahun juga lebih berminat untuk memahami adat istiadat bangsa lain berbanding responden yang lebih berusia.

Hampir separuh atau 49.5 peratus daripada responden muda sama ada 'bersetuju' atau 'benar-benar bersetuju' dengan kenyataan bahawa mereka berminat untuk mempelajari amalan dan adat istiadat kaum lain berbanding dengan 33.5 peratus bagi mereka yang berusia 65 tahun ke atas dan 31.8 peratus bagi mereka yang berusia antara 55 dengan 65 tahun.

Mengulas Zamil Penyelidik Kanan IPS, Dr Mathew Mathews, berkata bahawa sikap warga lebih tua terhadap kepelbagaian kaum mungkin berpunca ekoran kurangnya peluang berinteraksi dengan kaum lain berbanding dengan warga muda yang lebih terdedah kepada landskap sekolah dan kurikulum yang banyak memberi tumpuan

kepada pergaulan dan pemahaman antara kaum.

Akur, anggota lembaga OnePeople.Sg, Encik Anuar Yusop, berkata dapatan daripada responden muda seialiran dengan usaha utama persatuan itu yang banyak membincangkan isu sukar dalam kalangan belia.

"Kami menganjurkan dialog, kembara pembelajaran rentas budaya dan program kepimpinan untuk membantu rakyat Singapura, terutama golongan muda, mempelajari nuansa kepelbagaian budaya, mencabar stereotaip dan memimpin usaha mengatasi isu yang berbau perkauman," jelas beliau.

Beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan OnePeople.Sg termasuk Persidangan HarmonyWorks! yang memberi peluang kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang termasuk madrasah dan sekolah Rancangan Bantuan Khas (SAP) membincangkan isu antara kaum dan agama.

SEKILAS

- Lebih 9 dalam 10 berkata paras keharmonian kaum dan agama di Singapura pada tahap sederhana, tinggi atau amat tinggi.
- Hampir 6 dalam 10 kaum Cina berkata keharmonian kaum dan agama adalah tinggi atau amat tinggi.
- Lebih ramai responden Melayu dan India yang berkata keharmonian kaum dan agama di paras sederhana.
- Paras kepercayaan dalam kalangan penduduk pelbagai bangsa dan agama juga meningkat pada tahun lalu berbanding 2013. Misalnya, 61.3 peratus responden percaya semua atau hampir semua atau lebih daripada separuh kaum Melayu Singapura akan membantu jika berlakunya krisis. Ini merupakan kenaikan daripada 52.7 peratus responden yang melahirkan sentimen yang sama pada 2013.
- Kaum minoriti juga lebih dipercayai kaum Cina Singapura dan juga sebaliknya.
- Misalnya 68.1 peratus responden Melayu dan 76.2 responden India berkata mereka boleh dipercayai sama ada lebih daripada separuh atau kesemua atau hampir semua kaum Cina Singapura untuk membantu dalam sesebuah krisis.
- Sekitar enam dalam 10 responden Cina juga berkata mereka lebih dipercayai lebih separuh atau kesemua atau hampir semua kaum Melayu Singapura atau India untuk membantu.

"Kami menganjurkan dialog, kembara pembelajaran rentas budaya dan program kepimpinan untuk membantu rakyat Singapura, terutama golongan muda, mempelajari nuansa kepelbagaian budaya, mencabar stereotaip dan memimpin usaha mengatasi isu yang berbau perkauman."

- Anggota lembaga OnePeople.Sg, Encik Anuar Yusop.

Persepsi diskriminasi golongan minoriti di tempat kerja masih tinggi

PERANGKAAAN dalam kalangan kaum Melayu dan India yang mempunyai persepsi bahawa diri mereka didiskriminasi apabila memohon pekerjaan adalah tinggi berbanding bangsa lain.

Sekitar 51.6 peratus bangsa Melayu tahun lalu berkata mereka 'ada kalanya' atau 'sering/amat sering atau selalu' merasakan diri mereka didiskriminasi apabila memohon pekerjaan, kenaikan daripada 47.2 peratus pada 2013.

Dalam pada itu, sekitar 47 peratus kaum India mengalami isu sama. Ini berbanding dengan sekitar 12 peratus bagi kaum Cina.

Demikian menurut dapatan kajian terkini Institut Pengajian Dasar (IPS) dan OnePeople.sg mengenai keharmonian kaum dan agama yang dikeluarkan semalam.

Golongan minoriti itu juga menyatakan hampir 60 peratus Melayu dan 56 peratus India mempunyai persepsi bahawa ada unsur diskriminasi di tempat kerja.

Ini merupakan kenaikan daripada 58.7 peratus Melayu dan 52.6 peratus India lima tahun lalu.

Trend sama juga dapat dilihat berhubung kenaikan pangkat.

Sedang sekitar 3 peratus bangsa Cina berkata mereka mengalami diskriminasi dalam aspek ini, sekurang-kurangnya 18 peratus

"Majikan harus melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia yang progresif dan amalan yang membolehkan pekerja dinilai dan dibangunkan berdasarkan merit dan sumbangan mereka."

- Perikatan Tiga Pihak bagi Amalan Pekerjaan Adil (Tafep).

"Kesemua pekerja harus merasakan mereka dilayan secara adil di tempat kerja bagi memberi mereka motivasi untuk menyumbang yang terbaik."

- Persekutuan Majikan Nasional Singapura.

bangsa Melayu dan 20 peratus India melahirkan sentimen sama.

Dalam kalangan kaum minoriti juga, lebih ramai yang melaporkan ada kalanya mengalami diskriminasi apabila proses kenaikan pangkat tahun lalu berbanding 2013.

Misalnya, 32.4 peratus Melayu melaporkan tentang hal ini pada 2018, kenaikan daripada 26.7 per-

atus, lima tahun lalu.

Zamil Penyelidik Kanan, Dr Mathew Mathews, berkata peningkatan ini mungkin disebabkan lebih banyak kesedaran berhubung isu ini, justeru mendorong golongan ini untuk melaporkannya.

Menurut Persekutuan Majikan Nasional Singapura (Snef), aduan berkaitan diskriminasi perkauman

di tempat kerja kekal rendah dengan sekitar 5 peratus, daripada keseluruhan aduan yang diterima Perikatan Tiga Pihak bagi Amalan Pekerjaan Adil (Tafep) dan Kementerian Tenaga Manusia (MOM) dari tahun 2014 hingga 2018.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Snef, diskriminasi, meski ia sekadar satu persepsi, boleh menimbulkan ketidakharmonian di tempat kerja jika ia tidak ditangani di peringkat awal dan sewajarnya.

"Kesemua pekerja harus merasakan mereka dilayan secara adil di tempat kerja bagi memberi mereka motivasi untuk menyumbang yang terbaik," kata kenyataan itu.

Dalam kenyataan berasingan, Tafep juga menggesa semua majikan agar mematuhi garis panduan Tafep selain melayan setiap pekerja secara adil.

"Majikan harus melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia yang progresif dan amalan yang membolehkan pekerja dinilai dan dibangunkan berdasarkan merit dan sumbangan mereka," katanya.

Pekerja yang mengalami diskriminasi di tempat kerja dinasihati untuk menghubungi Tafep bagi mendapatkan bantuan.